

**Dituduh persenda Umno, Lajim diberi surat tunjuk sebab
MalaysiaKini.com
30 Julai, 2012**

Ibupejabat Umno telah menghantar surat tunjuk sebab kepada Datuk Seri Lajim Ukin mengapa beliau tidak boleh dipecat berikutan pengumuman peletakan semua jawatan dalam Umno dan BN pada 28 Julai lalu.

Setiausaha Agung Umno, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor berkata, Lajim perlu menjawab surat tunjuk sebab tersebut dalam tempoh 14 hari untuk dipertimbangkan tindakan seterusnya sebagaimana tertakluk dalam Perlembagaan Umno, lapor Umno Online.

"Umno memandang serius apa yang dilakukan Datuk Seri Panglima Lajim Ukin khususnya dalam pengisytiharan gerakan 'Pakatan Perubahan Sabah' (PPS) selain hubungan akrab dengan pakatan pembangkang yang seolah-olah mempersenda kepimpinan dalam Umno," katanya.

Jelasnya, Fasa; 20.8 Perlembagaan Umno telah menetapkan bahawa semua ahlinya hendaklah cintakan parti serta patuh kepada perlembagaan dan tataetika ahli, selain sentiasa memelihara nama baik dan maruah parti.

"Apa yang berlaku ini adalah isu dalaman yang bersifat peribadi membabitkan Lajim dan orang-orang tertentu dalam kancah politik negeri.

"Maka ia tidak sewajarnya dikaitkan dengan parti yang telah banyak berjasa kepada negara dan rakyat keseluruhannya," tegas Tengku Adnan.

Lajim telah mengumumkan peletakan jawatan sebagai ahli Majlis Tertinggi Umno, ketua Umno bahagian Beaufort dan pengerusi BN Beaufort berkuatkuasa serta merta Sabtu lalu.

Bagaimanapun, beliau masih kekal sebagai timbalan menteri perumahan dan kerajaan tempatan dan ahli Umno.